



SM FALIQ SM NASIMUDDIN (dua dari kiri) bersama Pengarah Eksekutif Naza TTDI, Idzham Mohd Hasim; Mohd. Zahir Zuhir Hussain dan Naib Presiden Eksekutif Pride, Firdaus Effendy Mokhtar melihat model rumah TTDI Segaris pada majlis pelancaran apartmen mewah itu di Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/SURIYA BONMA

NAZA TTDI lancar apartmen dupleks

KUALA LUMPUR 30 Jun - Naza TTDI Sdn. Bhd. melancarkan apartmen jenis dupleks, TTDI Segaris di atas tanah milik Prasarana Malaysia Bhd. (Prasarana), di Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) di sini, dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM227 juta.

Kediaman setinggi 28 tingkat itu menawarkan 185 buah rumah dengan 153 buah daripadanya merupakan jenis dupleks manakala 32 buah lagi bukan dupleks. Kediaman itu menawarkan lapan jenis reka bentuk bersaiz antara 721 kaki persegi (kps) hingga 1,464 kps.

TTDI Segaris dijual pada harga RM1,100 sekaki persegi iaitu serendah RM793,100 sebuah, manakala tarikh siap projek dianggarkan pada 48 bulan selepas perjanjian jual beli.

Timbalan Pengurus Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin berkata, projek perumahan itu terletak di Persiaran Zaaba yang berhampiran stesen aliran transit massa (MRT) dan beberapa lebuhraya utama seperti Lebuhraya Persekutuan dan Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE).

"Projek TTDI Segaris mengukuhkan lagi kedudukan kami di TTDI sejak terlibat di kawasan ini yang dibangunkan pada tahun 1974. TTDI telah membuktikan rekod cemerlang dari segi kenakan nilai dan hasil sewaan untuk semua hartanahnya."

"Ketika hampir 60 peratus kediaman ini telah ditempah dan lebih mengejutkan unit yang bersaiz lebih besar menerima tempa-

han paling tinggi," katanya pada majlis pelancaran pembangunan kediaman dupleks itu di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Integrated Development Sdn. Bhd. (Pride), Datuk Mohd. Zahir Zuhir Hussain.

Pride ditubuhkan sebagai platform kepada Prasarana untuk meraih pulangan ekonomi daripada bank tanah dan harta tanah yang telah diberikan hak oleh kerajaan terutamanya bagi membangunkan jaringan pengangkutan awam di Lembah Klang.

Naza TTDI merupakan cabang hartanah bagi Naza Corporation Holdings Sdn. Bhd. ditubuhkan pada tahun 1973, dan TTDI merupakan antara kawasan perbandaran popular dibangunkan oleh syarikat berkenaan.